



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 13 DISEMBER 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	CHAN THANKS PM FOR NEW ASSIGNED TASK, NATION, SIN CHEW DAILY -3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	BERAS PUTIH TEMPATAN LEBIH SATU JUTA TAN METRIK SETIAP TAHUN, NEGARA, KOSMO -6	
3.	LEBIH 42,000 PENGUNJUNG LAYARI PORTAL BANCI PERTANIAN 2024, NASIONAL, SH -11	LAIN-LAIN
4.	PETANI RUGI RM10,000 TANAMAN TIMUN DITENGGELAMI BANJIR, DALAM NEGERI, UM -30	
5.	FAKTOR CUACA PUNCA HARGA SAYUR NAIK, NASIONAL, BH -18	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Chan thanks PM for new assigned task		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	13 Dec 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	3	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	138 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,182
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,545



## 陳泓縑：對調部門感意外 感謝首相交託新任務

（亞庇12日讯）突然被调换部门，原任农业及粮食安全部副部长陈泓縑感到非常意外，但同时也感谢首相拿督斯里安华的信任 and 交托新的任务。

调任种植及原产部副部长的陈泓縑今日在脸书上传他和农粮部长拿督斯里莫哈末沙布的合照，表达他对这位上司的感激之情。

“这的确是个大惊喜，刚才国会上议院口头提问环节结束后，我和末沙布在农民组织局大厦碰面，他还开玩笑地问我是不是要离开他了。”

“我也是通过首相刚才的宣布知道这个消息。”

也是行动党亚庇区国会议员陈泓縑感谢末沙布一年以来的指导和帮助，让他获




陈泓縑（右）分享他和末沙布的合照。（图：陈泓縑脸书）

益良多，并表示离别只是暂时。

他也对农粮部由上至下所给予的服务和配合致上最高敬意，并赞扬农粮部团队是一支成熟和有魄力的团队。

他矢志会全心投入新的工作岗位，做好准备迎接各种挑战，尽最大能力为国人提供最好的服务。



PENGELUARAN beras putih tempatan lebih satu juta tan metrik setiap tahun. —CAMBAR HIASAN

## Beras putih tempatan lebih satu juta tan metrik setiap tahun

**KUALA LUMPUR** – Pengeluaran beras putih tempatan dihasikan dengan jumlah pengeluaran melebihi satu juta tan metrik setiap tahun bermula 2018.

Timbalan Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Chan Foong Hin memaklumkan, bermula 2018 sehingga Oktober lalu, sebanyak 1,699,766 tan metrik beras putih tempatan dikeluarkan pada 2018.

Bagi 2019, sebanyak 1,516,341 tan metrik, manakala pada tahun 2020 sebanyak 1,624,468 tan metrik beras putih tempatan dikeluarkan.

"Bagi 2021 pula, sebanyak 1,686,368 tan metrik, sementara

pada 2022 sebanyak 1,574,960 tan metrik dan sehingga Oktober 2023 adalah 1,181,911 tan metrik," katanya di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan **Senator Muisoddak Ahmad** yang meminta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan nyatakan statistik pengeluaran beras putih tempatan mengikut negeri bermula dari 2018 hingga Oktober lalu.

Foong Hin memaklumkan, satu laporan berkenaan perkembangan Operasi Bersepadu Penguatkuasaan Beras Putih Tempatan yang dipengerusikan

pihaknya sudah dilengkapkan dan akan diserahkan kepada pihak pendakwa raya untuk tindakan.

"Usaha itu memabitkan beberapa Kementerian seperti Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) dan banyak lagi termasuk agensi kerajaan yang lain.

"Setakat ini kita sudah siap laporan itu dan untuk kes-kes, yang mana yang ada isu kesalahan dari segi undang-undang kita telah menyerahkan semua bukti dan kertas siasatan itu kepada pihak pendakwa raya untuk ambil tindakan," katanya.

# Lebih 42,000 pengunjung layari portal Banci Pertanian 2024

**SHAH ALAM** - Kerajaan sentiasa komited untuk memastikan bidang pertanian dapat dipertingkatkan sebaik mungkin untuk kemakmuran negara serta kesejahteraan rakyat.

Bagi mencapai hasrat tersebut, portal Banci Pertanian 2024 telah diwujudkan khas sebagai pusat sehati statistik pertanian untuk digunakan sebagai input supaya perancangan serta pembangunan dalam sektor pertanian negara dapat dilaksanakan secara menyeluruh.

Banci Pertanian 2024 amat penting kerana ia menjadi penanda aras baharu dalam penyediaan indikator sektor pertanian sekali gus menjamin bekalan makanan serta sosioekonomi rakyat.

Dilancarkan pada 20 Oktober lalu bersempena Hari Statistik Negara, portal Banci Pertanian 2024 telah berjaya menarik lebih 42,000 pengunjung dalam tempoh sebulan ia disiarkan menerusi laman maya setakat 7 Disember 2023.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Banci Pertanian 2024 akan dilaksanakan dengan kerjasama Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Kementerian Ekonomi dan Kementerian Perlindungan dan Komoditi (KPK).

Selain itu, banci tersebut turut melibatkan kerjasama daripada Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (NRECC) serta Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Banci itu turut melibatkan pertubuhan dan isi rumah yang terlibat dalam aktiviti



Hasil Banci Pertanian 2024 diharapkan dapat memenuhi indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan digunakan sebagai pengukur prestasi RMK12.



**Tangkap layar maklumat mengenai banci ekonomi sektor pertanian yang terdapat dalam portal Banci Pertanian 2024.**

penanaman, perikanan & akuakultur, perhutanan dan pembalakan.

"Data yang diperoleh dari banci ini akan menjadi penanda aras untuk statistik pertanian negara. Hasil Banci Pertanian 2024 diharapkan dapat memenuhi indikator Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan digunakan sebagai pengukur prestasi untuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)," jelas DOSM menerusi perutusan dalam portal <https://www.myagricensus.gov.my/>.

Banci Pertanian 2024 turut mencakupi beberapa indikator baharu antaranya pemerksaan wanita dalam bidang pertanian, penyelidikan, pelaburan dan keputusan perniagaan serta statistik berkaitan alam sekitar.

Dalam pada itu, portal tersebut turut menyatakan Banci Pertanian kali terakhir diadakan pada tahun 2025. Bagi tahun

2024, banci ini dilaksanakan melibatkan tiga fasa utama iaitu pra-banci, semasa banci (pengumpulan data) dan pasca-banci.

Fasa-fasa itu mencakupi penilaian liputan banci, penyebaran data banci, analisis tematik, pengelolaan dan penyimpanan data banci dalam pangkalan data interaktif serta penghasilan penerbitan laporan Banci Pertanian 2024.

Portal Banci Pertanian 2024, diakses melalui [www.myagricensus.gov.my](http://www.myagricensus.gov.my), menjadi medium utama bagi DOSM untuk menyampaikan informasi penting tentang statistik pertanian kepada masyarakat.

Portal ini menawarkan kandungan komprehensif dan interaktif dalam bentuk infografik dan visualisasi yang memudahakan pemahaman. Selain itu, terdapat platform chatbot di portal tersebut membolehkan pengguna

berkomunikasi secara langsung untuk mendapatkan informasi statistik pertanian yang diperlukan.

## Info portal Banci Pertanian 2024

- Menupakan saluran penting untuk menyampaikan maklumat mengenai statistik pertanian kepada masyarakat.
- Boleh diakses menerusi [www.myagricensus.gov.my](http://www.myagricensus.gov.my).
- Isi kandungan yang komprehensif dan interaktif.
- Berperanan sebagai pintu gerbang maklumat, menyajikan pelbagai data dalam bentuk infografik dan visualisasi.
- Dapat diakses secara interaktif seperti AgriInsight.

## Petani rugi RM10,000 tanaman timun ditenggelami banjir

**RANTAU PANJANG:** Seorang petani kerugian RM10,000 selepas tanaman timun yang diusahakan secara fertigasi di Kampung Padang Licin di sini ditenggelami banjir.

Berchakap kepada *Utusan Malaysia*, Muhammad Syahfiq Mohamad Zulkifli 19, berkata, dia hanya sempat memungut hasil sebanyak 63 kilogram (kg) susulan peningkatan paras air banjir yang naik secara mendadak dua minggu lalu.

"Saya telah sedaya upaya untuk menyelamatkan semua tanaman ini namun terpaksa mengalah selepas polibeg itu ditenggelami banjir.

"Walaupun tanaman ini

dusahakan secara fertigasi gantung, namun ia tetap tenggelam," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Muhammad Syahfiq memberitahu, walaupun berdepan kerugian dia menyifatkan apa yang berlaku sebagai ujian buat dirinya.

Katanya, apa yang berlaku itu merupakan pengalaman pertama yang mengusahakan projek tersebut awal tahun ini.

"Apa yang berlaku ini tidak mematahkan semangat saya untuk lebih berjaya pada masa hadapan.

"Projek ini diusahakan bersama sepupu Mohd. Luqman Othman," ujarnya.



MUHAMMAD SYAHFIQ MOHAMAD ZULKIFLI MENUNJUKKAN TANAMAN TIMUN YANG DIUSAHAKAN SECARA FERTIGASI MUSNAH SELEPAS DITENGGELAMI BANJIR DI KAMPUNG PADANG LICIN, RANTAU PANJANG. KELENTAN. - UTUSAN/ROHANA ISMAIL

# Faktor cuaca punca harga sayur naik

Peniaga hadkan pembelian bimbang barang tak laku

Oleh Faizul Azlan Razak  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Beberapa sayur dikesan berlaku kenaikan harga antara RM4 hingga RM6 mulai minggu ini, didakwa akibat cuaca tidak menentu ketika ini.

Tinjauan di pasar basah mendapati salad paling ketara berlaku kenaikan hingga RM18 sekilo-

gram berbanding RM12 sekilogram minggu lalu manakala cili kepada RM16 sekilogram berbanding RM12 sekilogram sebelum ini.

Peniaga, Marzuki Omar, 62, berkata beberapa jenis sayur lain juga berlaku kenaikan harga minggu ini seperti kangkung.

Beliau berkata, kangkung pada minggu lalu dijual dengan harga RM6 sekilogram, kenaikan RM2 kepada RM8 sekilogram minggu ini.

"Apa yang boleh saya katakan banyak sayur berlaku kenaikan minggu ini berbanding minggu lalu.

"Apabila berlaku kenaikan seperti ini, saya terpaksa menghadkan pembelian yang banyak dari-



Tinjauan harga sayur di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. (Foto Faizul Azlan Razak/BH)

pada pembekal kerana bimbang barang ini tidak laku," katanya yang ditemui di Pasar Cabang Tiga di sini, semalam.

## Sayur kampung naik harga

Seorang lagi peniaga sayur, Mamat Embong, 70, berkata bukan sayur yang datang dari Cameron Highlands saja berlaku kenaikan harga, malah sayur kampung juga naik.

Beliau berkata, antara sayur kampung yang berlaku kenaikan ialah terung bulat daripada RM6 sekilogram kepada RM9 sekilogram, bendi yang dijual dengan RM14 sekilogram naik berban-

ding RM10 sekilogram minggu lalu.

"Selain itu, harga sayur petola juga naik kepada RM9 sekilogram daripada RM6 sekilogram dan kenaikan harga ini juga disebabkan cuaca yang tidak menentu sekarang," katanya.

Mamat berkata, pihaknya mendapati sayur lain seperti timun batang masih stabil apabila dipat dijual dengan harga antara RM3.50 hingga RM4 sekilogram.

"Namun, harga kacang panjang juga tidak menentu apabila minggu lalu saya menjual dengan RM7 sekilogram, namun minggu ini RM10 sekilogram," katanya.